YEONG KIA HENG

lwn.

PENDAKWA RAYA

MAHKAMAH AGUNG, KUALA LUMPUR
HASHIM YEOP SANI HB (MALAYA)
HARUN HASHIM HMA
GUNN CHIT TUAN HMA
[RAYUAN JENAYAH NO. 05-150-90]
27 JANUARI 1992

UNDANG-UNDANG KETERANGAN: *Identiti barang kes - Kecacatan yang ketara - Samada pihak perayu boleh membangkitkan soal kecacatan di Mahkamah Agung sekiranya tidak membangkitkan soal tersebut di Mahkamah Tinggi - Samada pihak pendakwaan telah membuktikan kes dengan sepenuhnya mengikut kehendak undang-undang.*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Beban membukti - Alasan penghakiman menimbulkan beberapa soalan undang-undang - Kecacatan dari segi persepsi.*

Perayu telah didakwa dibawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut) dan telah dihukum mati di bawah s. 39B(2) Akta tersebut. Fakta kes ini tidak mengelirukan sama sekali.

Soalan undang-undang tertentu telah dihujahkan bagi pihak perayu di Mahkamah Agung. Semua soalan berkaitan alasan penghakiman Hakim berkenaan.

Diputuskan:

[1] Mahkamah Agung tidak berpuashati bahawa dakwaan terhadap perayu telah dibuktikan dengan sepenuhnya. Keterangan pihak polis apabila dibandingkan dengan keterangan yang diberikan oleh pegawai kimia terhadap identiti barang kes, telah menunjukkan kecacatan yang ketara. Berdasarkan keterangan tersebut, wujudlah keraguan yang serius berkenaan dengan identiti barang kes.

[2] Memandangkan keterangan tersebut, perayu tidak sepatutnya dikehendaki dipanggil untuk membela dirinya diatas pertuduhan tersebut. Beban membukti adalah tanggungan pendakwaan dan tidak ada beban yang dipertanggungkan kepada tertuduh untuk membuktikan bahawa ia tidak bersalah. Di dalam perbicaraan jenayah tertuduh dibenarkan mengambil apa juga peluang untuk menonjolkan kecacatan pendakwaan.

[3] Kecacatan mengenai identiti barang kes adalah serius. Pihak responden dalam rayuan ini tidak patut dibenarkan berhujah bahawa kecacatan keterangan identiti barang kes tidak boleh dibangkitkan dalam rayuan ini kerana isu tersebut tidak dibangkitkan di Mahkamah Tinggi.

[4] Didalam prosiding jenayah, sama ada semasa perbicaraan atau semasa rayuan, tertuduh boleh membangkitkan soal dasar sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kesnya dengan sepenuhnya mengikut kehendak undang-undang, iaitu membuktikan kes sehingga tidak membangkitkan kesangsian yang munasabah.

[Rayuan dibenarkan; perintahdan hukuman diketepikan.]

*[**English** Translation of Headnote]*

EVIDENCE: *Identity of material exhibit - Serious error - Whether appellant can raise this issue on appeal although not raised at trial - Whether the Public Prosentor had proven culpability as required by the law.*

CRIMINAL PROCEDURE: *Appeal - Burden of proof - Grounds of judgment raised question of law - Error of perception of facts.*

The appellant was charged under s. 39B (1) of the DDA 1952 (the DDA) and was sentenced to death under s. 39B(2) of the DDA. The facts of this case were straight forward. Counsel for the appellant raised certain questions of law at the Supreme Court, which were related to the grounds of judgment of the learned trial Judge.

Held:

[1] The Supreme Court was not satisfied that the allegations made against the appellant have been proven satisfactorily to the standard of proof required by law. The evidence of the police compared to the evidence given by the officer from the Chemistry department with regards to the identity of the material exhibit, shows a glaring error. This Court has serious doubts as to the identity of the material exhibited on the basis of the evidence adduced.

[2] On the basis of the evidence adduced, the appellant should not have been called to state his defence. The burden of proof and the onus of proof which is placed on the prosecution is a heavy one. There is no onus on the accused to prove that he is not guilty.

[3] The glaring error made with regards to the identity of the exhibit was serious. The respondent therefore cannot argue that the defendant is estopped from raising this issue on appeal as he had not earlier raised this issue at the trial.

[4] In criminal proceedings, whether at the hearing at first instance, or at the appellate level, the accused can raise basic questions of whether or not the prosecution have proven their case beyond all reasonable doubts as required by the law.

[Appeal allowed; conviction quashed.]

Perundangan yang dirujuk:

Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak yang merayu - Gurbachan Singh dan Kartar Singh; T/n. Bachan & Kartar
Bagi pihak yang menentang/responden - Kang Hwee Gee; Timbalan Pendakwa Raya

PENGHAKIMAN

Gunn Chit Tuan HMA:

Perayu telah didakwa di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya, 1952 dan telah dihukum mati di bawah s. 39B(2) Akta tersebut. Mengikut tuduhan, perayu telah didapati pada 10 September 1987 pada jam 2.10 petang di kaki lima Kompleks Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur mengedar dadah berbahaya sebanyak 18.37 gram heroin.

Fakta kes ini tidak mengelirukan sama sekali. Pada hari tersebut dua orang konstabel iaitu PC Ng Hum Seng (SP3) dan PC Ong Aik Joo (SP4) sedang meronda di kawasan tersebut. Lebih kurang jam 2.00 petang mereka sampai ke Pertama Kompleks di mana mereka telah berjumpa dengan seorang "informer" yang memberitahu bahawa ada seorang yang disyaki mengedar dadah dan menunjukkan kepada arah kedai gunting Carole Hair Dressing Saloon di mana perayu sedang membasuh rambutnya. SP3 dan SP4 menunggu selama 10 minit sehingga perayu keluar daripada kedai gunting rambut tersebut dan membawanya ke bawah tangga di mana perayu telah diperiksa dan didapati satu bungkusan suratkhabar mengandungi 10 paket yang disyaki dadah dan satu lagi bungkusan suratkhabar yang mengandungi 3 paket juga disyaki

dadah yang terselit di bawah tali pinggang perayu. Juga didapati padanya ialah dua bungkusan suratkhabar mengandungi satu paket plastik mengandungi yang disyaki dadah di poket sebelah kiri seluarnya. Perayu pun ditangkap dan dibawa ke Ibu Pejabat Polis, Kuala Lumpur.

Ada beberapa soalan undang-undang yang dihujahkan bagi pihak perayu di Mahkamah ini. Semua soalan adalah berkaitan dengan apa yang terkandung di dalam alasan penghakiman Hakim berkenaan di mana didapati beberapa kecatatan dari segi persepsi sebenarnya berkaitan dengan beban membukti bagi seorang yang dituduh dalam perbicaraan jenayah. Melihatkan kepada fakta kes yang jelas Mahkamah ini tidak bersetuju dengan hujah peguam perayu bahawa persepsi yang tersebut di atas yang didapati dalam alasan penghakiman itu telah membabitkan ketidakadilan kepada perayu.

Walau bagaimanapun satu perkara yang dibangkitkan oleh peguam dalam rayuan ini menyebabkan kami tidak berpuas hati dakwaan terhadap perayu telah dibuktikan dengan sepenuhnya. Ini ialah berkaitan dengan identiti barang kes. Keterangan ialah keterangan yang telah diberi oleh SP3 di mana ia telah memberitahu kepada Mahkamah dalam pemeriksaan perayu di Pertama Kompleks ia telah mendapati:

(1) 10 bungkusan kecil akhbar Cina mengandungi 10 paket plastik yang mengandungi "ketulan-ketulan berwarna merah jambu" dan 3 bungkusan kecil mengandungi 3 paket berisi "ketulan-ketulan berwarna merah jambu".

(2) 3 bungkusan kecil akhbar Cina mengandungi 3 paket berisi "ketulan-ketulan berwarna merah jambu".

(3) 10 bungkusan kecil akhbar Cina berisi 10 paket plastik mengandungi "ketulan-ketulan berwarna merah jambu".

(4) 2 bungkusan akhbar Cina berisi 2 paket plastik mengandungi "ketulan-ketulan berwarna merah jambu".

Walau bagaimanapun pegawai kimia (SP2) telah menerima barang kes pada 15 September 1987, jam 2.30 petang di pejabatnya dari Insp. Che Nor Ismail (SP5). Pegawai kimia ini telah seterusnya memberitahu Mahkamah beliau memeriksa barang-barang dalam sampul surat yang diterimanya dan mendapati :

(1) Dalam sampul surat 10 paket plastik kesemuanya mengandungi 30.14 gram bersih "bahan serbuk berwarna merah jambu".

(2) Dalam sampul surat itu juga didapatinya 3 paket plastik mengandungi 18.43 gram bersih "bahan serbuk berwarna merah".

(3) Sampul surat mengandungi 10 paket kertas plastik yang mengandungi 30.01 gram bersih "bahan serbuk berwarna merah jambu".

(4) Dua paket kertas mengandungi 16.74 gram bersih "bahan serbuk berwarna merah jambu".

Kesemuanya serbuk itu didapati dadah heroin seberat 18.37 gram.

Keterangan yang tersebut di atas menunjukkan kecacatan dalam pembuktian identiti barang kes yang menjadi subjek pendakwaan terhadap perayu. Kecacatan itu menjadi subjek pendakwaan terhadap perayu. Kecacatan itu menjadi lebih ketara apabila keterangan dari pihak polis dibandingkan dengan keterangan pegawai kimia berkenaan dengan berat barang kes. Mengikut pihak polis berat barang kes ialah 113 gram. Ini ialah keterangan daripada Insp. Che Nor Ismail (SP5). Mengikut keterangan pegawai kimia (SP2) pula, berat barang-barang yang diterimanya dari pihak polis ialah 102.85 gram, iaitu perbezaan lebih dari 10 gram.

Berdasarkan kepada keterangan-keterangan yang tersebut di atas wujudlah satu keraguan yang serius berkenaan dengan identiti barang kes. Memandangkan kepada keterangan sebegini rupa berkenaan dengan identiti-identiti barang kes, perayu sememangnya tidak dikehendaki dipanggil untuk membela dirinya di atas pertuduhan itu.

Beban membukti adalah berat dan beban membukti yang dipertanggungkan kepada pendakwa adalah berat. Tidak ada beban yang dipertanggungkan kepada seseorang yang dituduh untuk membuktikan ia tidak bersalah. Di dalam perbicaraan jenayah seseorang yang dituduh dibenarkan mengambil apa juga peluang untuk menonjolkan kecacatan pendakwaan. Kecacatan mengenai identiti barang kes adalah serius. Adalah tidak benar bagi pihak responden dalam rayuan ini mengatakan bahawa oleh sebab kecacatan keterangan identiti barang kes tidak dibangkitkan dalam penghujahan di Mahkamah Tinggi dan oleh itu tidak boleh dibangkitkan dalam rayuan ini. Di dalam prosiding jenayah di masa perbicaraan atau di masa rayuan seseorang yang tertuduh boleh membangkitkan soal dasar iaitu sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan kes dengan sepenuhnya mengikut kehendak undang-undang iaitu membuktikan kes sehingga tidak membangkitkan kesangsian yang munasabah.

Rayuan telah dibenarkan. Perintah dan hukuman Hakim perbicaraan diketepikan.

Also found at [1992] 1 CLJ 364